

Hala tuju industri automotif negara

Oleh MOHAMMAD NOORIZZUDDIN NOOH

PERCATURAN industri automotif negara sejak kebelakangan ini berada di tahap membimbangkan jika kita lihat dari segi pemasaran dan kualiti produk yang dikeluarkan. Menurut Presiden Persatuan Proton Edar Malaysia, lebih kurang 70 peratus pengedar kereta Proton di seluruh negara sedang dan akan menghadapi kemungkinan untuk gulung tikar disebabkan permintaan yang semakin berkurangan sejak akhir-akhir ini.

Tambahan pula pada ketika ini, Proton masih mencari-cari rakan strategik dalam memacu daya saing syarikat tersebut di persada pasaran global.

Ada pihak yang tidak henti-henti menyuarakan pendapat bahawa kita tutup sahaja Proton kerana kurang kompetitif dalam aspek kualiti dan harga yang ditawarkan kepada pengguna. Selain itu ada juga golongan yang berjiwa patriotik kental yang menyatakan bahawa kebelakangan ini kita sering menyusukan kera di hutan sedangkan anak di rumah kering kehausan.

Baik apa jua telahan dari pelbagai pihak namun isu ini akan tetap menjadi isu malar hijau jika pihak yang terlibat tetap berdiam diri membisu seribu bahasa. Kata orang tua-tua diam itu tanda setuju tetapi dalam hal ini diam itu tandanya apa? Kita

tinggalkan permasalahan itu dan terus pergi kepada persoalan ke mana hilangnya daya saing Proton ketika gergasi automotif lain sedang melebarkan sayapnya ke seluruh dunia dengan pembaharuan berteraskan teknologi terkini di samping menawarkan harga yang kompetitif.

Di antara jawapan yang difikirkan logik dan juga kukuh dari perspektif kewangan ialah Proton harus menjadi sebuah syarikat glocal. Dalam keadaan sekarang, Proton masih mencari-cari bidang tujuhan yang perlu tumpuan menyeluruh. Apakah kelebihan ataupun nilai tambah dalam Proton? Adakah dari segi mutu pengeluaran produk, adakah dari aspek pengurusan? Adakah dari aspek perkhidmatan? Adakah Proton tidak mempunyai kelebihan selain daripada menjadi pengeluar automotif pertama di Malaysia?

Kita tinggalkan permasalahan Proton dan fokus pula peranan institusi kewangan yang semakin hari semakin mengetatkan syarat kelayakan pinjaman kenderaan. Selain dari itu kadar faedah yang dikenakan oleh pihak institusi kewangan tidak lagi menjadi daya penarik untuk pembeli kenderaan baru.

Masalah-masalah yang saya nyatakan di atas hanya difokuskan kepada kenderaan baru, apa pula ceritanya dengan pengusaha kedai kenderaan terpakai yang terpaksa menanggung kerugian disebabkan kesuka-

ran pengguna mendapatkan pinjaman dan nilai pasaran kenderaan terpakai yang semakin merudum sejak kebelakangan ini.

Untuk makluman, kerugian yang ditanggung oleh pengusaha terbabit meningkat mengikut hari demi hari kerana setiap hari, harga kenderaan terpakai akan turun sedikit demi sedikit dan mereka tidak lagi mampu untuk menanggung kerugian yang besar. Senario ini bukan melibatkan segelintir pengusaha namun ia melibatkan keseluruhan pengusaha di bawah kategori ini.

Kegemilangan

Bagaimana untuk mengembalikan kegemilangan industri automotif negara? Pertama syarikat pengeluar kenderaan perlulah mempelbagaikan produk kerana populasi yang semakin berkembang di mana masyarakat pada masa ini memerlukan kenderaan untuk semua keadaan. Pengguna sekarang sudah bijak dan semakin mementingkan aspek keselamatan dan oleh itu, peralatan keselamatan seperti beg udara mestilah menjadi peralatan standard di dalam semua kenderaan tidak kira saiz dan kegunaan. Masyarakat sudah tidak lagi mahu kenderaan asas tanpa radio, pengge- ra keselamatan, dan rim kerana mereka menganggap bahawa kesemua itu adalah

peralatan dan perkakasan standard bagi semua jenis kenderaan.

Kedua, perlulah ada peranan daripada pihak institusi kewangan untuk menarik minat pengguna. Caranya ialah dengan menawarkan kadar faedah yang rendah ataupun memanjangkan jangka masa bayar balik pinjaman tersebut. Ketiga, perlu ada mekanisme mengawal harga pasaran semasa kenderaan terpakai supaya perbezaan antara keduanya tidak jauh kelihatan. Ini adalah untuk melindungi industri kenderaan terpakai daripada terus terasing dan malap. Adalah sewajarnya pihak kerajaan melalui agensi yang berkaitan menjadi kuasa penentu nilai pasaran semasa kenderaan daripada diberikan ke tangan institusi kewangan ataupun ke tangan masyarakat awam untuk mengelakkan berlakunya susut nilai yang ketara bagi kenderaan terpakai.

Akhir sekali, selamatkanlah industri automotif negara kerana jika tidak, keadaan akan menjadi sama seperti sebelum zaman tertubuhnya Proton di mana kita akan sentiasa bergantung kepada negara luar yang sememangnya tidak akan menguntungkan negara kita yang dicintai.

□ MOHAMMAD NOORIZZUDDIN NOOH Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Muamalat Universiti Sains Islam Malaysia.